

BAB 4

BAB 4

REKA BENTUK AKHBAR

4.1 PRINSIP-PRINSIP REKA BENTUK

John R. Karsnitz (1993) menyatakan bahawa elemen visual dalam akhbar adalah kopi yakni naskhah berita yang ditulis, ilustrasi, gambar, dan ruang. Menurutnya lagi, setelah elemen-elemen tersebut dikenal pasti, perekaan halaman-halaman akhbar boleh didasarkan kepada lima prinsip reka bentuk, iaitu keseimbangan (balance), perkadaran (proportion), senjang (contrast), ritma (rhythm), dan kesatuan (unity).

Broekhuizen dalam bukunya bertajuk *Graphic Communications* (1995) menyatakan bahawa untuk menghasilkan perekaan grafik yang baik dan berkesan, terdapat lima dasar yang perlu diikuti. Dasar-dasar yang dinyatakan adalah sama seperti yang diutarakan oleh Karsnitz (1993), cuma bezanya buku ini tidak memasukkan senjang sebagai dasarnya tetapi ditukar kepada penekanan (emphasis).


Mus Chairil Samani dalam bukunya *Pengenalan Penerbitan Media Cetak* (2000) menyamakan reka bentuk seperti fesyen yang berubah-ubah mengikut perubahan masa dan cita rasa. Namun menurutnya, lagi standard-standard yang menjadi asas reka bentuk tidak berubah. Standard inilah yang disebut sebagai prinsip reka bentuk. Terdapat lima prinsip reka bentuk yang sama seperti dinyatakan Karsnitz (1993) manakala yang keenam ialah prinsip mudah (simplicity). Mus Chairil menyamakan kontras dengan penekanan kerana menurutnya kedua-duanya menekankan aspek kelainan yang terdapat pada sesuatu unsur. Unsur merujuk kepada birai (margins), lajur, ilustrasi, teks, dan sebagainya yang dimuatkan pada sesuatu halaman. Setiap unsur mempunyai ciri-ciri

berbeza dari segi kelebaran, saiz, bobot (weight), dan bentuk (Mus Chairil Samani, 2000).

Sally Hughes dalam bukunya *Design and Typography* (1998), menegaskan bahawa reka bentuk halaman web menggunakan prinsip yang sama dengan penerbitan biasa yakni yang bercetak iaitu prinsip asas mengenai ruang, rupa, kontras, dan keseimbangan, cuma perlu mempertimbangkan aspek lain media baru ini.


4.1.1. Keseimbangan

Keseimbangan wujud apabila unsur grafik dan teks pada sesuatu halaman seimbang. Terdapat dua jenis keseimbangan, iaitu keseimbangan formal dan keseimbangan tidak formal. Keseimbangan formal adalah berbentuk simetri, iaitu semua elemen diletakkan sama (equally placed) di sekitar garis pusat. Keseimbangan tidak formal berbentuk tidak simetri yang bermakna ada elemen perekaan yang pelbagai dari segi saiz, bentuk, berat, warna, dan irap (tone) diletakkan di sekitar garis pusat.



Akhbar moden sekarang lebih bersifat keseimbangan tidak formal berbentuk tidak simetri. Keseimbangan wujud dalam halaman pertama *Berita Harian* dengan *masthead* di atas diseimbangkan dengan iklan melintang di bawahnya.

Halaman utama akhbar dalam talian *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily* pula diseimbangkan dengan kolumn berita utama terletak di tengah-tengah dengan diapit dengan kolumn kecil di kiri dan kanan.



4.1.2. Perkadaran

Perkadaran merujuk kepada saling berhubungan (interrelationship) antara satu elemen pada satu-satu halaman, saiz perekaan keseluruhan, dan elemen dengan saiz keseluruhannya. Elemen individu mempunyai saling berhubungan berdasarkan saiz, bentuk, irap, berat, dan warna. Misalnya, elemen besar dan elemen kecil dikatakan

berkadar dan seimbang dengan membuatkan elemen besar itu lebih cerah dan elemen kecil lebih gelap.

Satu perkadar yang penting adalah antara elemen dengan halaman (page) tersebut yang berkait rapat dengan pusat optik. Untuk menentukan pusat optik sesuatu halaman ialah dengan cara melipat halaman secara menegak menjadi tiga bahagian. Pusat optik sesuatu halaman adalah $\frac{2}{3}$ dari bahagian bawah halaman tersebut. Oleh itu, kebanyakan halaman pertama akhbar menggunakan ruang ini untuk berita yang menarik dan penting termasuk gambar disebabkan mata pembaca lebih tertarik pada bahagian halaman tersebut.

Saiz gambar halaman pertama *Berita Harian* lebih besar berbanding dengan *Harakah* bersesuaian dengan saiz kedua-dua akhbar berkenaan. Lazimnya, akhbar *Berita Harian* meletakkan satu atau dua gambar (bersaiz besar dan sederhana besar) serta satu gambar kecil (foto seseorang atau *mug shot*) pada halaman muka depan akhbarnya. Berbeza dengan akhbar *Harakah* yang lazim meletak hanya satu gambar bersaiz sederhana besar sesuai dengan akhbar tabloid.

Bagi akhbar dalam talian, *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily* hanya meletakkan gambar kenit pada halaman utamanya. Pelawat yang berminat membaca berita selanjutnya serta melihat gambar akan dapat berbuat demikian dengan pautan ke halaman berita penuh.

4.1.3. Senjang/Kontras/Penekanan

Menurut Mus Chairil (2000) yang menghampir samakan kontras dan penekanan (emphasis), menyatakan bahawa kedua-duanya menekankan aspek kelainan yang

terdapat pada sesuatu unsur. Prinsip ini bererti sesuatu unsur diberi penonjolan yang lebih berbanding dengan unsur lain dalam sesuatu reka bentuk. Penonjolan membawa maksud perkara yang paling penting sekali yang harus dibaca mula-mula sekali.

Pelbagai cara mewujudkan kontras atau penekanan. Dengan membesarkan saiz sesuatu unsur seperti gambarfoto, kontras dapat diwujudkan. Unsur warna juga boleh memberi penekanan. Gambar bewarna lebih menonjol berbanding gambar hitam putih. Kontras boleh juga dihasilkan dengan menjadikan sesuatu unsur berbentuk ganjil seperti gambarfoto berbucu lima lebih menonjol berbanding bersegi empat.

Dua kaedah digunakan bagi mewujudkan kontras/penekanan. Pertama, pengasingan (isolation) iaitu gambar besar di satu sudut membezakan dari teks. Kedua, ketidakseimbangan (imbalance) iaitu mewujudkan susunan yang tidak seimbang bagi memberi penekanan sesuatu bahan yang lebih penting berbanding bahan lain. Penekanan juga boleh dibuat dengan cara kedudukan lebih tinggi, saiz lebih besar, *tone* dari segi warna dan huruf tebal, bentuk yang ganjil.

Banyak unsur kontras dalam halaman pertama akhbar seperti gambar bersaiz besar di tengah-tengah halaman akhbar *Berita Harian*. Demikian juga halaman pertama akhbar *Harakah* yang tidak mahu ketinggalan meletakkan gambar bersaiz sederhana besar bagi menarik minat pembaca dan menyatakan bahawa gambar dan berita mengenainya adalah penting.⁷ Selain kontras, penekanan dapat dihasilkan dengan unsur gambar yang menerangkan peristiwa penting yang perlu dibaca audiens akhbar kerana penggunaan visual lebih menarik perhatian mata pembaca.

Melalui akhbar dalam talian, *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily* mewujudkan teks yang berlatarbelakangkan warna tertentu yang lembut dan cerah. Ini

dapat dilihat pada ruang ‘Pengumuman’ (*Harakahdaily*), ‘Mutakhir’ dan ‘Joran’ (*Berita Harian Online*). Unsur warna yang boleh memberi penekanan dan kontras menyebabkan akhbar cetak juga menggunakan warna sebagai latar belakang berita yang ingin ditonjolkan kepentingan beritanya.

4.1.4. Mudah

Prinsip atau ciri-ciri mudah semakin diterimapakai dalam reka bentuk kerana perubahan cita rasa pembaca yang semakin sibuk dan tidak meluangkan banyak masa membaca akhbar. *Terbitan yang memiliki reka bentuk yang mudah dipersepsikan oleh pembaca dikatakan lebih baik dan bernilai tinggi. Penempatan sedikit sahaja unsur dalam sesuatu halaman akan menyebabkan pembaca memberi tumpuan kepada unsur tersebut yang dikatakan unsur terpenting.*

Pereka grafik kini berpegang kepada akronim KISS yang bermaksud Keep it Simple (Stupid) = Success (reka bentuk yang mudah semestinya meraih kejayaan). Menurut Mus Chairil (2000), pereka bentuk menggunakan langkah tersebut dalam mempraktikkan amalan KISS:

- Sedikit unsur dan bukannya melongokkan unsur
- Ruang putih di sekeliling, bukan terperangkap di celah-celah hasil seni dan teks
- Pengelompokan unsur-unsur sama
- Perubahan tipografi pada kadar minimum

Halaman pertama akhbar yang dikaji menampakkan ciri-ciri mudah ini dengan hanya meletakkan tiga atau empat berita bagi akhbar *Berita Harian* dan dua atau tiga

berita bagi akhbar *Harakah*. Ini bersesuaian dengan akhbar berbidang besar dan akhbar tabloid. Berita-berita yang termuat dalam halaman pertama dianggap berita terpenting dalam tempoh penerbitannya iaitu *Berita Harian* sebagai akhbar harian dan *Harakah* yang diterbitkan dua kali sebulan. Bagi memastikan berita-berita penting dapat dimuatkan di muka depan, berita yang panjang akan disambung di halaman dalam atau diadakan *jump line*.


Halaman utama akhbar dalam talian juga mengamalkan prinsip mudah dengan pengelompokan berita kepada subjek atau bahagian tertentu. *Berita Harian Online* memisahkan berita kepada bahagian Nasional, Ekonomi, Sukan, Rencana, Hiburan, Komputer, Keluarga, Kesihatan, Pendidikan, Sastera, Agama, Alam Sekitar, dan Edisi Wilayah. Sementara *Harakahdaily* mengelompokkan berita kepada Main News, Local News, World News, Articles, Letters, Perspective, dan Dubai Online.

Ada laman Web yang halaman utamanya dapat dimuat turun mengikut saiz skrin komputer tanpa perlu menggunakan bar tatal untuk melihat keseluruhan halaman utamanya. Ini dapat dilihat pada laman Web Universiti Malaya (<http://www.um.edu.my>) dan Cosmopoint Sdn. Bhd. (<http://www.cosmopoint.com.my>). Pelawat boleh memilih untuk melawat topik yang telah dikelompokkan sekiranya berminat. Ini bukan sahaja mudah diterokoi tetapi juga cepat untuk dimuat turun. Hal ini tidak terjadi dalam akhbar dalam talian yang dikaji. Nafnun, bertepatan dengan faktor menyampaikan berita terkini, kedua-dua akhbar dalam talian yang dikaji memasukkan sebahagian berita penting untuk menarik minat pembaca pada halaman utamanya. Maksudnya, pelawat boleh membaca tajuk dan sebahagian berita penting apabila menaip alamat yang betul. Berita penuh boleh

dibaca oleh pelawat dengan mengklik pada tajuk berita yang berwarna biru atau pada ‘berita penuh’ dan akan dipautkan ke halaman berita penuh.

4.1.5. Ritma

Arah letakan elemen pada halaman akhbar mempengaruhi ritma. Ritma ialah istilah yang diberikan kepada konsep pergerakan mata merentasi perekaan grafik. Ritma yang baik membantu pembaca mengekalkan minat terhadap perekaan itu.



Ritma mempengaruhi peletakan unsur-unsur dalam sehalaman akhbar terutamanya halaman pertama. Maka, berita utama diletakkan di bahagian sebelah kiri bahagian atas sekali. Namun, prinsip ritma bagi halaman akhbar dalam talian mungkin sedikit berbeza kerana pembaca terikat dengan penggunaan bar tatal dan pautan.

Akhbar Berita Harian dan Harakah meletakkan berita utama di sebelah kiri bahagian paling atas sekali iaitu di bawah *masthead* walaupun kedua-dua akhbar berbeza dari segi saiz (bidang besar dan tabloid). Walaupun setiap keluaran ada perbezaan dari segi peletakan unsur-unsur (seperti teks dan gambar), prinsipnya tidak berubah bagi kedua-dua akhbar yang dikaji.

4.2 REKA BENTUK HALAMAN WEB

Penerbitan elektronik yang berasaskan laman Web atau *online* tidak dapat lari daripada menggunakan prinsip reka bentuk yang digunakan penerbitan cetak atau konvensional. Tetapi, pereka bentuk halaman dalam talian perlu mempertimbangkan aspek lain media baru ini.

4.2.1. Prinsip Reka Bentuk Halaman Akhbar Dalam Talian

Berbeza dengan penerbitan konvensional yang menggunakan medium kertas, penerbitan elektronik menggunakan skrin komputer. Tapak Web yang memuatkan edisi dalam talian sesebuah akhbar direka bentuk untuk tatapan pembaca di atas skrin komputer. Oleh sebab itu, penyampaiannya perlu lebih interaktif, lebih menarik, tidak membosankan, dan mesra pengguna. Lantaran itu, wujud sekatan tertentu dalam proses mereka bentuk laman akhbar dalam talian berbanding penerbitan cetak. Walaupun prinsip asas reka bentuk mengenai ruang, rupa, kontras, dan keseimbangan masih digunakan, tetapi perlu disesuaikan dengan pertimbangan yang sewajarnya kerana masyarakat masih kurang dapat menerima perubahan baru ini.

4.2.2. Ciri-ciri Akhbar Dalam Talian yang Mudah

Bacaan melalui skrin berbeza dengan di atas kertas. Pembaca cepat bosan dan mengalami masalah penglihatan sekiranya terlalu lama menatap skrin komputer. Oleh itu, teks akhbar dalam talian harus ringkas dan perlu memastikan bahawa pembaca dapat membaca teks dengan mudah. Hambatan masa masyarakat sekarang yang terlalu sibuk dan tidak punya banyak masa membaca, mencerminkan bahawa teks perlu diolah

seringkas mungkin yang hanya mempunyai perkara penting. Mengikut kajian di Amerika Syarikat, hanya 20% pembaca yang membaca teks keseluruhannya, 80% lagi hanya melihat grafik dan teks penting.

Halaman utama akhbar dalam talian yang ringkas juga dapat dimuat turun dengan cepat. Proses memuat turun akhbar dalam talian yang pantas tidak mematikan minat dan usaha pembaca menerokai halaman-halaman akhbar tersebut. Reka bentuk yang ringkas dan tidak memiliki fail grafik yang besar akan mempercepatkan proses muat turun terutamanya halaman pertama akhbar dalam talian. Seterusnya, pelawat mampu membuat pautan ke halaman-halaman lain dengan lancar tanpa perlu menunggu lama.

4.2.3. Pengemudian

Salah satu prinsip penting reka bentuk akhbar dalam talian ialah pengemudian. Pengemudian memastikan pelawat dapat meneroka, meninjau atau melayari tapak akhbar dalam talian dengan mudah dan terarah. Sesbuah tapak Web terdiri daripada sejumlah atau sebilangan halaman individu tertentu. Pelawat yang meninjau halaman tertentu perlu mudah kembali semula ke tapak utama akhbar dalam talian atau halaman pertama. Ini yang dikatakan tapak Web yang memiliki ciri-ciri pengemudian yang baik.

Setiap tapak akhbar dalam talian memiliki satu halaman utama iaitu laman yang dimuat turun terlebih dahulu sekiranya menaip alamat yang betul. Halaman pertama ini memiliki gambaran jelas mengenai tapak akhbar dalam talian tersebut. Dalam halaman pertama, terdapat bar kemudi yang membolehkan pelawat memasuki halaman lain akhbar dalam talian tertentu melalui pautan.

Bar kemudi yang menawarkan pautan

File Edit View Favorites Tools Help

Back Stop Refresh Home Search Favorites History Mail

Address: http://www.emedia.com.my/Current_News/BH/bindex

Customize Tax Center Sign In My Yahoo! Movies

Berita Harian Online

Enjoy the many privileges
More than 400 shopping, dining, & service outlets
• Air tickets & holiday packages

Cari BERITA UTAMA www.bharian.com.my

bharian.com.my NSTP e-Media Silapu Kami? Hubungi Kami Archiv Semasa Lain-lain Media

Nasional | Ekonomi | Sultan | Pencana | Hiburan | Komputer | Keluarga | Kesehatan | Pendidikan | Sastera | Agama | Alam Sekitar | Peristiwa

NEWS ARCHIVE SINCE 1997

Joran

- Bipap
- edisi wajah
- Berta Sawit
- Didik
- Anugerah

Kumpulan ajaran sesat militan tumpas IPOH, Rabu – Enam belas lelaki Indonesia yang dipercayai terbitib menyebarkan ajaran sesat serta merancang mencetuskan kekacauan secara militan, ditahan dalam dua operasi di Bandar Baru Menglimbau di sini, malam tadi.

berita peluh

Peniaga menang RM894,173.80. Perdana VS

KUALA LUMPUR, Rabu – Seorang peniaga, Mohar Abdul Latiff, tidak menyenang menjadi jutawan segera dengan hanya membeli slot penyudut hampagas di Courts Mammoth Berhad (Courts). Beliau menerima hadiah wang tunai RM894,173.80 dan

(11 items remaining) Download picture http://www.emedia.com.my/images/BH/b1a2.jpg

Start Hotsite Composer - Microsoft Internet Explorer Berita Harian

01/09/2002

Pautan teks berubah warna sesudah diklik pelawat

Mutakhir

- 75 pelajar diluluskan ke mahasiswa dihadapan ke mahikams
- Puncak utama negara Asia Tengah esok hari
- Untuk kerangka seni budaya
- Ramadan bukunya wajib tetek handa harga 1 dollar
- Pelukan khas rizat permenkuat lebih 3,200 butir peluru

Lagi benta berkiri...

Bar tatal perlu digunakan untuk melihat keseluruhan halaman utama Berita Harian Online

File Edit View Favorites Tools Help

Back Stop Refresh Home Search Favorites History Mail

Address: http://www.emedia.com.my/Current_News/BH/bindex

Customize Tax Center Sign In My Yahoo! Movies

Mug Shot

BERITA HARIAN Popular 2003 menjadikannya berjumlah RM1,000,000 selepas dipilih sebagai pemenang utama "Peraduan Pandu Pulang Sejuta Ringgit" anjuran Courts berita peluh

Ringkasan BSKL:

EMAS

COMPOSITE

INDUSTRIAL

2ND-HAND

Thu May 7 17:55:02 2002 malam tata peluh

Perlis longgar hukuman kahwin di luar negara KANGAR, Rabu – Pasangan Islam yang berkahwin di luar negara, termasuk Thailand, tidak akan dihadapkan ke Mahkamah Syariah apabila mendafik perkahwinan stu di Perlis. Kelonggaran itu akan dimasukkan dalam pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 yang akan dibentangkan di sidang D9@van Undangan Negeri (DUN), bulan depan.

berita peluh

1,209 peluru, bom tangan dijumpai, empat lelaki ditahan ALOR STAR, Rabu – Sebanyak 1,209 butir peluru, sebutir bom tangan dan pelbagai peralatan tentera, ditemui di sebuah rumah di Kampung Charok Padang, Sik, malam tadi. Berikutnya penemuan itu, polis menahan empat lelaki, termasuk seorang anggota tentera dan seorang bekas anggota tentera di rumah berkenaan.

berita peluh

Latar belakang berwarna kuning dengan teks berwarna hitam dan hijau untuk mewujudkan kontras dan penekanan

KEMINTUSAN LIGA MALAYSIA

Johor FA	1 Perlis	0	
S N	5	Bersih	1
Perak	2 K Lumur	0	
Selangor	1 Sarawak	1	
Pinang	1 Terengganu	2	
Terengganu	3 Kelantan	2	
NS	0 Sabah	1	
Chempaka	2	Pahang	1
Malaka	2		

Espion Persekutuan

HIBURAN - BIPPOP

"Tidak hasil dengan antara kami"

SKOP


Formula perjudian

Malaysia judi kontoh

Internet

E-Docus

10/11 PM



Bar kemudi diletakkan di bahagian bawah halaman utama untuk memudahkan pelawat menerokai laman akhbar dalam talian ini dengan mudah

Bar tatar digerakkan untuk melihat keseluruhan halaman utama Berita Harian Online

Pelawat boleh klik pautan berupa teks, butang atau imej untuk memaparkan halaman tertentu. Halaman boleh dipamer mengikut kehendak pelawat. Pelawat tidak perlu mengikut susunan halaman seolah-olah membaca akhbar cetak tetapi boleh meloncat dari halaman ke halaman lain mengikut topik yang pelawat minat.

Harakahdaily.com - Harakahdaily English Edition

File Edit View Favorites Tools Help

Back Forward Stop Refresh Home Search Tax Center Yahoo Companion Sign In My Yahoo Movies Go

Menu utama

ARKIB DIARI IKLANEKA HUBUNGI KAMI MAKLUM BALAS

Harakahdaily.com

AQIQAH di KEMBOJA

10:02PM, March 07, 2002

Pengumuman

SEMINAR "Wanita Berilmu Tunggak Keberkahan Keluarga; Keluarga Bahagia, Ummah Sejahtera"
Tarikh: 24 Mac 2002
(Ahad) Jam: 9 pagi
Tempat: Dewan Besar Iiris, Diamond Square, KL; Site hubung: Pn Sabariah (03-4025130 / 012-3595612)

Today's Picture

Politik dan MTUC selring, sejalan - Zainal Rampak

Oleh Nur Abd Rahman
KUALA LUMPUR, 7 Mac (Hrk)
- Selaras pilihanraya yang mengelakkan pemimpin lama Kongres Kesatuan Sakerja Malaysia (MTUC), Presiden MTUC Senator Zainal Rampak mengakui wujudnya unsur politik dalam kesatuan berkenaan.

Anwar to take legal action against NST

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Hrk)
- Former Deputy Prime Minister

Gambar kenit

Bar tatal perlu digunakan untuk melihat keseluruhan halaman utama Harakahdaily

Survey

Apakah sepatutnya dilakukan kepada mereka yang menghina Nabi?

- Ajak mereka berdiskusi dengan baik
- Bertindak berdasarkan undang-undang yang ada
- Jangan dilayan, jika dilayan mereka akan merasa hebat
- Perangi mereka habis-habisan

Vote

[Results | Polls]

Votes 2432

Calon Ketua rancam dalam senarai - KeADILan Pahang

Oleh Salimiyah Harun
KUALA LUMPUR, 7 Mac (Hrk) - Senarai calon KeADILan untuk pilihan raya kecil Ketua termasuk "Yamai Tiong Hua dan Melayu", menurut Mohamad Jeafri, ketua KeADILan Pahang.

Not to invest in Malaysia - CALPERS

NEW YORK, March 7 (FAC) - CALPERS, the largest pension fund in the United States -- with over \$150 billion in assets to manage -- has told its fund managers not to invest in Malaysia.

Thoughts about America
EDWARD SAID warns against the return to a shameful episode in the US's intellectual history
'Memall tragedi - where is justice?'
By Mohamed Hanipa Maidin
Information Minister Tan Sri Khalid Yaakob said RTM would conti...

Egatian Anak Jati Selangor:
Menangkan Nasib Melana Darul Ehsan
Oleh TARUNA SELAYANG Di malam yang

Harakahdaily - Microsoft Internet Explorer

File Edit View Favorites Tools Help

Back Stop Refresh Home Search Favorites History Mail

Address http://www.harakahdaily.net/ Search Tax Center Yahoo! Companion Sign In My Yahoo! Movies Go

TEMERLOH, 7 MAC (Hrk) - DAP Panang menekankan terdapat 200 anjungs di Perting telah meninggalkan parti itu untuk menyertai Gerakan.

Imej polis tercemar: Pemuda PAS cadang tubuh suruhanjaya bebas

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Hrk) - Dewan Pemuda PAS Putus hari ini menggesa pihak kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Khas bagi menyiasat punca sebenar kejadian pembelosan penjenayah dari tahanan polis yang semakin berleluasa.

[More local news](#)

International News

Bangladeshi Muslims burn Indian flag in protest at Gujarat riots

DHAKA, March 7 (AFP) - Around 1,000 Muslims staged a protest in Bangladesh Thursday against communal killings in India which have left more than 650 people dead, witnesses said.

Umat Islam diseru serta demonstrasi di Al-Azhar

KAHERAH, 7 Mac (Al-Shaab) - Parti Amal yang berpusat di Kaherah, Mesir, menyeru seluruh umat Islam serta demonstrasi di Masjid Jamek Al-Azhar selepas solet Jumeat esok.

Peluru berpandu Israel memusnahkan bangunan mesyuarat Yasser Arafat

Oleh CK Tan
Kolumnis Sin Chew Jit Poh, Phan Yong Kiong, pada 22 Januari lalu menyertai P...
[Pengantar Buddha semakin berkurangan](#)

Oleh CE Tan
Berikutkan langkah beberapa pertubuhan Cina utama di Malaysia menyuarakan k...
@ Internet

Start Microsoft Word - Document 10:22 PM

Harakahdaily - Microsoft Internet Explorer

File Edit View Favorites Tools Help

Back Stop Refresh Home Search Favorites History Mail

Address http://www.harakahdaily.net/ Search Tax Center Yahoo! Companion Sign In My Yahoo! Movies Go

[Results | Polls] managers not to invest in Malaysia.

Votes 2432

Local News

Drama masuk Umno diaktifkan semula

KUALA KRAI, 7 Mac (Hrk) - Umno kini terpaksa mencipta semula agenda lama bagi memulihkan semangat penyokong parti itu yang semakin pudar dan dilanda keresahan.

Memartabat pendidikan: Terengganu pastikan hasrat Kementerian Tercapai

KUALA TERENGGANU, 7 Mac (Hrk) - Kerajaan negeri akan terus memastikan segala hasrat dan matlamat semua pihak khususnya Kementerian Pendidikan dalam menjadikan masyarakat berilmu dan mempertahankan pendidikan negara ke peringkat antarabangsa akan tercapai.

JAM - Kerajaan lenggar fatwa

Oleh Mohd Sabri Said

BALING, 7 Mac (Hrk) - bekas Imam Besar Negara, Ustaz Taib Azamudin Mohd Taib mendekah, kerajaan sendiri melenggari fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kabangsaan apabila tidak bertindak terhadap ajaran Qardhian dan Jamaah Al-Quran Malaysia (JAM) walaupun telah diwartakan beberapa tahun lalu.

DAP nafi ahli keluar parti

Oleh TARUNA SELAYANG Di malam yang syahdu ini, aku teringat nasib negeri Selangor, ne...

[More Article](#)

Surat Perintah

• Jelas adi unsur rasuah pasang gain di Semenyih
• No more ALA reports against 5'or MB says selected media activist
• Nasihat kepada Lutful Janoan Jadikan NPK Setarul
• Saya turutka kerangka Penangkar Badan Pencecah Rasuah Selangor
• Re: Re: Relook

@ Internet

Start Microsoft Word - Document 10:22 PM

Harakahdaily tidak banyak menggunakan gambar kenit berbanding dengan Berita Harian Online

Klik pada tajuk berita yang berwarna biru untuk membaca berita penuh

RAMALLAH, 7 Mac (Al-Jazeera) - Helikopter jenazah Apache milik tentara Israel telah melancarkan peluru berpandu dari ruang udara di Ramallah ke atas kediaman dan bangunan mesyuarat pemimpin Palestin Yasser Arafat tengah malam tadi ketika beliau mengadakan perbincangan dengan wakil kesatuan Eropah bagi hal ehwal Timur Tengah.

Empat ditangkap di Yemen dipercaya anggota al-Qaeda SANAA, 7 Mac (Al-Jazeera) - Pihak berkuasa Yemen telah mengambil empat tiga rakyat Yemen dan seorang rakyat Somalia dipercaya mempunyai hubungan dengan rangkaian al-Qaeda pimpinan Osama Ben Laden.

Jemaah haji PMRAM selamat tiba di Mesir
Oleh Salman Al Munziri
KAHERAH, 7 Mac (Hrkh) - Seramai 150 orang pelajar Malaysia Universiti Al Azhar selamat mendarat di Pelabuhan Suez pagi Selasa lalu setelah selesai menuanakah ibadah Haji di Makkah.

[More international news](#)

Dubai on line
• Festival membeli-belah Dubai bermula
fudzail@hotmail.com
Dengan kos persembahan kebudayaan untuk upacara pembukaan berjumiah...

KAHERAH, 7 Mac (Hrkh) - Seramai 150 orang pelajar Malaysia Universiti Al Azhar selamat mendarat di Pelabuhan Suez pagi Selasa lalu setelah selesai menuanakah ibadah Haji di Makkah.

[More international news](#)

Dubai on line
• Festival membeli-belah Dubai bermula
fudzail@hotmail.com
Dengan kos persembahan kebudayaan untuk upacara pembukaan berjumiah...

[Berita Utama] [Berita Negeri] [Antarabangsa] [Bencana] [Surat Pemberita] [Alhbar Cina] [Dubai Online]

All logos and trademarks in this site are property of their respective owner. The comments are property of their posters, all the rights reserved. © 2001 by Harakah.

Powered by [PHP-Nuke](#), a web portal system written in PHP. Radihat, [php-nuke](#). Code modification and design by lord

Menu Utama pada bahagian bawah halaman utama
HarakahDaily

Pengemudian yang baik akan menghasilkan akhbar dalam talian yang mesra pengguna. Menu utama pada setiap halaman akan memudahkan pelawat menjelajahi halaman-halaman akhbar dalam talian. Menu utama pada setiap halaman menjadi pautan yang boleh menghalakan pelawat ke halaman pengenalan atau halaman pembuka. Pembinaan menu utama ini bertujuan menghala pelawat ke halaman utama disebabkan pengguna boleh memasuki halaman tanpa melalui halaman pengenalan melalui enjin pencari.

Harakahdaily memiliki ciri-ciri pengemudian yang baik kerana mempunyai menu utama pada setiap halaman. Menu utama membantu pembaca menjelajahi halaman akhbar dalam talian yang dimasuki dengan mudah. Halaman pengenalan *Harakahdaily* yang dibantu dengan 'Main Menu' yang terletak di sebelah kiri atas sekali yakni di bawah *masthead*. Pengguna boleh klik pada butang 'Home', 'Main News', 'Local News', 'World News', 'Articles', 'Letters', 'Perspective', dan 'Dubai Online' membolehkan pelawat dipautkan ke halaman tersebut. Pelawat tidak perlu menggunakan bar tatal untuk membuat pautan ke halaman tersebut kerana 'Main Menu' dipapar apabila selesai memuat turun halaman pembuka. Pembaca boleh klik pada 'Local News' sekiranya berminat membaca berita tempatan.

Menu utama pada setiap halaman juga membolehkan pelawat yang memasuki halaman *Harakahdaily* melalui enjin pencari akan dihalakan ke halaman utama atau pengenalan dengan mudah. Penjelajahan sesebuah tapak akhbar dalam talian akan lebih berkesan dengan menggunakan peta yang menggambarkan keseluruhan struktur pautan. Namun, kedua-dua akhbar dalam talian yang dikaji tidak memiliki ciri pengemudian ini.

4.2.4. Mereka Bentuk untuk Saiz Skrin

Halaman utama sesebuah tapak akhbar dalam talian boleh dipamerkan hanya pada satu skrin. Pereka bentuk perlu membahagikan maklumat kepada beberapa topik ringkas yang boleh dipamerkan pada satu skrin. Halaman yang sangat panjang akan menjemukan pelawat. Sesetengah tapak akhbar dalam talian mempunyai halaman yang panjang dan pelawat dikehendaki menggunakan bar tatal untuk melihat keseluruhan halaman. Salah satu cara memandu pelawat melayari halaman lain dalam akhbar dalam talian ialah dengan menggunakan butang.

4.2.5. Konsistensi

Konsistensi penting dalam penerbitan dalam talian. Pemilihan warna, reka letak, malah prinsip-prinsip penerbitan yang lain harus konsisten. Perubahan warna dari biru kepada jingga misalnya bagi menunjukkan laman yang telah dilawati akan memberi panduan kepada pelawat bagi penerokaan selanjutnya. Halaman yang sama topik mungkin mempunyai latar belakang atau wajah yang sama. Pautan ke bahagian *Joran* dalam *Berita Harian Online* menampakkan satu kelainan dengan halaman utama dan halaman lain dengan latar belakang bewarna hitam yang menarik.

4.2.6. Keterbacaan

Panjang baris boleh mempengaruhi kadar keterbacaan. Pereka bentuk harus menghadkan panjang baris teks antara 50 hingga 70 aksara. Ini untuk mengelakkan kesukaran membaca bila dipaparkan di atas skrin komputer. Baris teks yang terlalu panjang

mengganggu proses pembacaan. Sekiranya baris teks terlalu panjang, pelawat terpaksa menggunakan bar tatal yang menjemukan untuk membaca keseluruhan baris.

Pemilihan rupa taip teks juga penting. Pereka bentuk halaman akhbar dalam talian perlu mengelak mengguna bentuk huruf yang berbayang, gunakan bentuk huruf yang nyata. Penggunaan rupa taip san serif seperti Arial dalam *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily* lebih mudah dibaca di atas skrin.

Penggunaan warna juga penting dalam akhbar dalam talian. Warna tertentu menandakan pautan. Pautan akan berubah warna sesudah diklik oleh palawat akan memberi panduan kepada pembaca halaman yang sudah dilawati.

4.2.7. Grafik Halaman Dalam Talian

Sally Hughes dalam bukunya *Design and Typography* (1998) menyatakan bahawa Jaringan Web Sedunia (www) adalah satu media visual. Visual menurut Kamus Dewan bermaksud 'berdasarkan penglihatan, dapat melihat dengan mata'. Media pula bermaksud 'alat atau perantara komunikasi (perhubungan)'. Sekeping gambar foto dikatakan mengandungi beribu-ribu perkataan dan dapat menceritakannya. Lantaran itu, sesebuah tapak Web dikatakan tidak lengkap tanpa grafik. Namun, teks dan grafik digunakan bergantung kepada tujuan sesebuah tapak Web. Ruang tapak yang menyajikan maklumat kepada palawat lazimnya dipenuhi teks. Namun, teks tanpa visual ibarat rumah tanpa tingkap, tiada yang menarik. Demikian juga halaman akhbar dalam talian. Walaupun penggunaan gambar boleh melambatkan proses muat tuhn halaman tetapi peranan penting yang dimainkan visual mampu menarik minat pembaca.

Hambatan penggunaan grafik ialah masa yang lama diambil untuk memuat turun sekiranya saiz fail besar. Ini akan mematikan minat pelawat yang tidak akan menunggu lama sehingga menyebabkan mereka keluar dari tapak Web. Oleh itu, pereka bentuk akhbar dalam talian perlu mengelakkan daripada menggunakan saiz fail grafik yang besar.

Pereka bentuk perlu memampatkan fail grafik dalam saiz fail yang sekecil mungkin. Format fail yang bolrh digunakan untuk memampatkan fail grafik ialah GIF (Graphic Interchange Format) dan JPEG (Joint Photographic Experts Group).

· Bagi *Berita Harian Online*, halaman pertama yang memaparkan berita utama digunakan gambar kenit bersaiz 8 x 6 pika memandangkan gambar merupakan perkara penting berhubung dengan kandungan berita utama. Pelawat akan dapat melihat gambar penuh dengan saiz sebenar pada halaman berita penuh bila pelawat berminat memuat turun atau ingin mengetahui berita selanjutnya atau melihat gambar dengan terperinci. Imej yang lengkap akan dapat dilihat oleh pembaca.

Imej boleh dipamerkan di belakang teks sebagai latar belakang. Kesan ini menghasilkan halaman yang menarik tetapi harus mengambil kira dengan teliti supaya tidak mengganggu tumpuan pembaca. Warna sebagai latar belakang teks harus memastikan teks ringkas supaya mudah dibaca. Warna yang lembuh harus dipilih. Tapak yang menakjubkan ialah tapak yang menggunakan warna hitam, kelabu gelap atau putih sebagai latar belakang.

Teks berwarna memberi kontras yang sesuai. Garis berwarna memberi tompokan warna tambahan. Gambar bewarna menambah kontras dalam halaman. Gambar foto

hitam putih kelihatan cantik di atas latar belakang gelap. Latar belakang hitam memberi kontras yang berkesan pada gambar foto berwarna.

4.2.8. Kandungan Lain Akhbar Dalam Talian

Keupayaan berkomunikasi bukan setakat melalui teks dan gambar menjadikan akhbar dalam talian lebih menarik. Imej beranimasi, bunyi, sedutan video, permainan, dan media interaktif yang lain menambah tarikan ke tapak akhbar dalam talian.



Imej animasi adalah fail kecil yang mengulangi suatu kitar gerakan. Animasi dapat menarik perhatian secara serta-merta disebabkan gerakan di atas skrin. Bunyi merupakan suatu unsur tambahan yang amat berfaedah. Namun, tidak banyak digunakan disebabkan fail audio sangat besar dan mengambil masa untuk dimuat turun. Audio tidak harus dimuat turun secara automatik, biasanya pengunjung perlu mengklik pautan untuk memuat turun. Satu fail audio perlu dipaparkan masa untuk dimuat turun. Fail audio

memerlukan fail tambahan untuk memainkan bunyi. Fail video filem digital boleh ditambah dan dipaparkan di akhbar dalam talian seperti *Web TV* di dalam *Harakahdaily* melalui perisian tambahan. Fail yang amat besar menyebabkan cuma sedutan video sahaja ditunjukkan. Video perlu disunting dan menambah bunyi.

4.2.9. Interaksi

Kedua-dua akhbar dalam talian yang dikaji memiliki ciri-ciri interaksi dengan pelawat. Interaksi yang dilakukan adalah dalam bentuk komen dan pertanyaan melalui e-mel, dan borang maklum balas serta cadangan daripada pelawat. Pendaftaran dalam enjin pencari membolehkan pengguna mencari maklumat yang berkaitan yang dikehendaki. *Harakahdaily* mengadakan undian pembaca yang merupakan interaksi yang berlaku dengan pembaca. Sementara *Berita Harian Online* pula memiliki enjin pencari dalaman.

4.3 PENGGUNAAN VISUAL DAN PEREKAAN GRAFIK

4.3.1. Analisis

Analisis penggunaan visual dan perekaan grafik halaman pertama akhbar *Harakah* dan *Berita Harian* akan melihat ciri-ciri tertentu untuk tujuan perbandingan. Ciri-ciri fizikal kedua-dua halaman pertama akhbar akan dilihat terlebih dahulu.

Penggunaan visual dan perekaan grafik dalam sesebuah akhbar terutamanya halaman pertama penting dalam menarik perhatian khalayak pembaca. Pada dasarnya, analisis yang dijalankan terhadap penggunaan visual dan perekaan grafik halaman pertama akhbar *Harakah* dengan *Berita Harian* mencerminkan satu ciri-ciri asas yang sama walaupun teknik yang digunakan berbeza dan jenis akhbar juga berlainan iaitu

akhtar tabloid dan berbidang besar. Ciri-ciri yang sama terdapat di dalam kedua-dua akhtar dan dilihat untuk tujuan perbandingan.

Aspek perbandingan kedua-dua akhtar ialah melihat ciri-ciri fizikal kedua-dua halaman pertama akhtar *Harakah* dan *Berita Harian*.

Jadual 4.1 : Ciri-ciri Fizikal Halaman Pertama

Ciri-ciri Akhtar	Harakah	Berita Harian
Saiz helaian	83 pika x 133 pika	85.5 pika x 133.5 pika
Saiz ruang teks	78 pika x 105 pika	78 pika x 111 pika
Saiz huruf teks	Times Roman 11/12	Times Roman 10/11
Kolumn	5	5
Saiz kolumn dan alur	$18 + 1 + 14 + 1 + 14 + 1 + 14 + 1 + 14 = 78$ pika	$14 + 1 + 14 + 1 + 16 + 1 + 16 + 1 + 14 = 78$ pika
Gambar/Grafik/ Ilustrasi	1 gambar	2 gambar
Jarak antara kolumn	1 pika	1 pika

4.3.2. Ulasan

Saiz Helaian

Saiz helaian akhtar diperolehi dengan mengukur lebar dan tinggi halaman akhtar *Harakah* dan *Berita Harian*. Didapati akhtar *Berita Harian* merupakan akhtar berbidang besar atau akhtar lebar (broadsheet). Saiz akhtar lebar merupakan satu saiz piawai bagi kebanyakan akhtar di dunia. Dengan demikian, akhtar *Harakah* yang merupakan akhtar tabloid adalah bersaiz akhtar lebar yang dilipat dua. Saiz ini berkait rapat dengan saiz atau *gred* kertas dan mesin percetakan yang digunakan. *Gred* kertas untuk akhtar disebut

kertas akhbar (newsprint) dan didatangkan dalam ukuran 24 inci x 36 inci yang standard. Percetakan akhbar pula menggunakan mesin offset yang piawai dengan ukuran aras penggelung cetaknya yang berukuran 25 inci x 38 inci. Justeru, penggunaan saiz akhbar lebar adalah ekonomikal kerana dapat mengurangkan pembaziran (Karsnitz, 1993).

Saiz Huruf Teks

Akhbar *Harakah* dan *Berita Harian* menggunakan saiz huruf taip/rupa taip/rupa huruf yang sama iaitu 9/10pt. Yang bermaksud 9 poin saiz huruf taip dan 10 poin *leading*. Rupa taip kedua-dua akhbar adalah Times New Roman untuk teks. Kedua-dua akhbar menggunakan saiz huruf teks yang lazim digunakan dalam penerbitan akhbar. Menurut Karsnitz (1993), saiz huruf untuk teks paling biasa dipakai untuk surat berita atau akhbar adalah antara 9 poin hingga 12 poin dengan *leading* 1 atau 2 poin, bergantung kepada jumlah kopi/naskhah dan tingkat sesak (crowding degree) yang dimahuhan. Gilmore dan Root (1976) juga sependapat dengan menyatakan bahawa saiz huruf teks untuk akhbar adalah antara 9 hingga 12 poin tetapi yang paling sesuai adalah 10 poin kerana tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil.

Jumlah Kolumn

Tidak ada satu piawai dasar sebagai rujukan atau landasan bagi akhbar berkenaan dengan pembahagian kolumn dalam satu-satu halaman akhbar. Akhbar berbidang besar seperti *Berita Harian* mempunyai enam hingga lapan kolumn yang mana lebar kolumn di antara 9 pika sehingga 16 pika dengan alur bersaiz atau selebar 1 pika. Berbeza jenis akhbar, *Harakah* yang merupakan akhbar tabloid mempunyai kolumn di antara 3 hingga 6 kolumn

dengan kolumn terbesar bersaiz 19.5 pika manakala kolumn terkecil selebar 9 pika. Alur akhbar ini tidak tetap bergantung kepada reka letak halaman teksnya iaitu di antara 1 hingga 1.5 pika. Perlu ditegaskan bahawa halaman-halaman akhbar *Harakah* tidak konsisten dalam menetapkan kelebaran saiz kolumn juga saiz alurnya berbanding dengan akhbar *Berita Harian*. Akhbar *Harakah* juga terkenal dengan penggunaan garisan dan kotak bagi mewujudkan kontras dan penekanan terhadap berita-berita yang dirasakan penting. Ini menyebabkan saiz teks berubah dan tidak tetap. Peletakan teks dan gambar akhbar *Berita Harian* lebih tersusun dan terikat dengan prinsip tertentu peletakannya. Reka letaknya harus mengikut saiz kolumn selebar 9 pika, 11 pika dan 15 pika. Konsep grid dalam prinsip tipografi digunakan dalam perekaan akhbar *Berita Harian*.

Gilmore dan Roots (1976), dalam *Modern Newspaper Editing (Second Edition)*, menghuraikan bilangan kolumn dalam proses reka letak. Menurutnya, berapa banyak kolumn yang ingin digunakan dalam helaian sesebuah akhbar amat bergantung kepada keseimbangan reka letak dan susunan rekaan grafiknya.

Gambar/Illustrasi/Grafik

Penggunaan gambar besar dan ilustrasi atau grafik pada halaman pertama akhbar boleh dianggap satu gaya baru akhbar yang bermula sekitar tahun 1920-an. Menurut Whetmore (1985), gaya atau *trend* akhbar sebegini disebut "jazz journalism". Jurnalisme jenis ini bukan sahaja menitikberatkan kesan visual tetapi juga reka letak yang menjadi elemen penting selain beritanya. Dengan kata lain, maknanya bentuk akhbar adalah sama penting dengan isi kandungan. Menurutnya lagi, sejak kejayaan akhbar *Daily News* di Amerika menerapkan gaya jurnalisme ini, kebanyakan akhbar di dunia semakin menyedari

kepentingan kesan visual dan grafik untuk menarik minat pembaca. Kedua-dua akhbar yang dikaji iaitu *Harakah* dan *Berita Harian* ternyata menerapkan konsep "jazz journalism" yang disebutkan di atas.

4.3.3. Ciri-ciri Mekap Halaman Pertama

Perbandingan seterusnya adalah melihat ciri-ciri lazim yang terdapat pada halaman pertama akhbar yang disebut mekap (makeup). Pereaakan grafik adalah sebahagian daripada mekap akhbar kerana melibatkan elemen-elemen seperti garis, tekstur, ruang, warna selain bentuk seperti bulatan, segi empat, segi tiga, sfera, piramid, dan kiub. Keseluruhan elemen ini termasuklah penggunaan gambar dan tipografi menurut Giles dan Hodgson (1990) akan menghasilkan visual yang mungkin menarik atau sebaliknya.

Halaman yang paling bernilai bagi sesebuah akhbar ialah muka surat depannya. Muka surat depan sesuatu akhbar bukan sahaja mengandungi tajuk akhbar tetapi juga berita utama yang bernilai penting. Namun, berita yang bernilai tanpa penggunaan visual dan perekaan grafik yang baik tidak mampu menarik pembeli. Menurut Giles dan Hodgson dalam buku bertajuk *Creative Newspaper Design* (1990), terdapat tiga fungsi utama perekaan grafik. Pertama, untuk menarik dan mengekalkan perhatian pembaca. Kedua, untuk menunjukkan keutamaan perletakan teks. Seterusnya, ketiga ialah untuk memberi satu identiti visual tertentu yang dikenali khalayak kepada sesebuah surat khabar.

Jadual 4.2 : Ciri-ciri Mekap Halaman Pertama

Ciri-ciri	Harakah	Berita Harian
Iklan Acah (Teasers)	Melintang di bawah <i>Nameplate</i>	Melintang di bahagian paling bawah
<i>Flag</i> atau <i>Nameplate</i>	Melintang sebaris	Melintang sebaris
Tajuk Berita (Headline)	Mendatar sebaris	Mendatar sebaris
Nama Penulis (Byline)	Nama sahaja	Nama sahaja
Infografik	Tiada	Atas sebelah kiri sebaris dengan tajuk akhbar
Kepala Peraga (Display Head)	Tiada	Tiada
Huruf Besar Pangkal	Tiada	Tiada
Tajuk Lapisan (Deck)	Terletak di sebelah bawah tajuk utama	Terletak di sebelah atas tajuk utama
<i>Mug Shot</i>	Tiada	Tiada
<i>Refer</i>	Tiada	Tiada
<i>Header</i>	'Macam-macam'	'Menarik Di Dalam'
Indeks	Tiada	Tiada
<i>Cutline</i>	Di bawah gambar	Di bawah gambar
<i>Jump Line</i>	Pada berita utama	Pada berita utama

Perbandingan akhbar *Harakah* dan *Berita Harian* akan melihat ciri-ciri lazim yang terdapat pada sesuatu halaman pertama akhbar yang menjadi identiti akhbar berkenaan.

 Memali: Ummi Muzakkarah tidak mahu meninggal	Mangsa robot rumah oleh MPS disyaki! meninggal – 6	Halang ceramah: Orang ramai diseru buat laporan polis – 24	Kereiaan lainggar falwa – Ustaz Tald – 28	IT'S A SIN TO SLANDER THE DEAD <small>– 16 & 17</small>
--	--	--	---	---



Iklan Acah (*Teasers*)

Teasers atau juga disebut *Skyboxes* atau dalam bahasa Melayunya dipanggil Kotak Udara dikenali juga dengan Iklan Acah. Ini kerana gunanya ialah untuk mempromosikan berita atau cerita lain yang terdapat di bahagian dalam akhbar berkenaan, sama peranannya dengan iklan.

Kedua-dua halaman pertama akhbar yang dikaji mempunyai iklan acah cuma yang membezakannya hanyalah kedudukan. Sama ada iklan acah mempunyai gambar atau tidak, letaknya adalah di bahagian atas atau bawah muka depan sesebuah akhbar. Bergantung kepada *style* sesebuah akhbar yang menjadi identiti akhbar berkenaan, kedudukan iklan acah adalah berbeza sama ada di sebelah di kiri dan kanan, di atas atau di bawah tajuk akhbar, malah ada yang diletakkan di bahagian bawah sekali. Perbezaan ini jelas dapat dilihat pada muka depan akhbar yang dikaji. Akhbar *Berita Harian* meletakkan iklan acah di bawah tajuk akhbar atau bawah *masthead* yang tertera nama akhbar *Berita Harian* secara melintang selebar akhbar berkenaan (77 pika) dengan dua gambar berwarna. Iklan acah ini dipecahkan kepada bahagian Nasional, Ekonomi, Dunia, dan Sukan iaitu berdasarkan kepada bahagian-bahagian di dalam akhbar. Sementara itu, akhbar *Harakah* meletakkan iklan acah dengan *header* berbunyi 'Menarik Di Dalam' memaparkan berita menarik dan sensasi di dalam akhbar dengan disertakan nombor halamannya sekali.

Iklan acah semestinya mempunyai peranan yang penting dalam muka depan sesebuah akhbar. Kegunaannya bukan sahaja dapat menimbulkan keinginan pembaca akhbar mengetahui berita penting yang tidak dapat dimuatkan di muka depan akhbar malah iklan acah juga dapat menarik pembaca baru sesebuah akhbar. Kedudukan iklan

akah amat strategik dalam sesebuah akhbar iaitu di sebelah bawah tajuk akhbar dan juga dekat dengan tumpuan pembaca di muka depan sesebuah akhbar.

Namun, tanpa penggunaan visual seperti gambar berwarna dalam kedua-dua akhbar, peranan iklan acah tidak dapat dieksplorasi dengan sepenuhnya. Peranan gambar dalam iklan acah penting dalam menarik minat pembaca untuk mengetahui berita selanjutnya di dalam akhbar berkenaan.

Kepala Berita (*Masthead*)

Masthead juga dikenali sebagai *nameplate* atau disebut *flag* atau dalam bahasa Melayunya kepala berita. Terdapat pelbagai perekaan bentuk *masthead*, yang mempunyai tujuan yang sama iaitu mewujudkan identiti tertentu kepada sesebuah akhbar. *Masthead* tidak berubah. Kalau berlaku perubahanpun hanya sekadar perubahan rupa taip seperti mana yang dibuat terhadap *masthead* akhbar *Berita Harian* hampir sepuluh tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut dilakukan secara perlahan-lahan supaya pembaca yang sedia ada tidak keliru.

Tajuk Berita (*Headline*)


Headline atau tajuk berita pada umumnya menggunakan saiz huruf yang lebih besar. Lazimnya tajuk berita akhbar menggunakan huruf dari jenis dan keluarga yang sama. Ini kerana sekiranya terlalu banyak jenis taip yang digunakan bagi setiap tajuk berita yang banyak pada satu-satu halaman akhbar, akan mewujudkan satu keadaan semak (tidak tersusun dan keliru) pada halaman tersebut. Dengan demikian, digunakan jenis huruf yang sama dan dari keluarga yang serupa tetapi kepelbagaiannya diwujudkan dengan variasi

tertentu seperti huruf tebal (*bold*), condong (*italic*), roman, mampat (*condensed*), center, dan sebagainya.

Masthead Harakah



Masthead Berita Harian



Pegawai agama negeri enggan kuat kuasa fatwa

Has lava
Pelancang
M. J. S.
kenabarn
di Hadiyah

Aditi Ketari meninggal



Bank diarab beku akuan edukaturan dengan kesetiaan



Terdapat banyak pendapat mengenai posisi letakan tajuk berita utama. Kalau melihat kepada kedua-dua akhbar yang dikaji, *Berita Harian* meletakkan tajuk utama beritanya adalah sebaris mendatar pada posisi paling atas sebelah kiri manakala *Harakah* meletakkan tajuk beritanya dua baris di posisi bawah halaman akhbar berkenaan.

Merujuk kepada buku *Typography. Layout and Design* karangan Arthur T. Turnball dan Russell N. Baird (1968), tajuk berita dan berita utama bagi halaman pertama akhbar diletakkan di sebelah atas paling kanan. Namun, bergantung kepada kepentingan dan tajuk beritanya, kedudukan tajuk berita berubah setiap terbitan.

‘Amanat Hajj Hadi’

**Saya puas hati
kesannya – Hadi**



Dividen KWSP
seburuk 1963

KUALLAMP, de Pergamon en ESP-
AÑA, nació en 1895 en el distrito de
Kazan, en Tataristán, Rusia. En 1914
se graduó en la Escuela de Artes
y Oficios de Kazan, y en 1917
se licenció en la Universidad de
Kazan. En 1920 se trasladó a
Tashkent, donde trabajó como
escultor en la fábrica de cerámica
de la Universidad. En 1922 se
trasladó a Tiflis, Georgia, donde
estudió en la Escuela de Artes
y Oficios. En 1924 se trasladó
a Tashkent, donde trabajó en la
fábrica de cerámica de la Universidad.
En 1926 se trasladó a Tiflis,
Georgia, donde trabajó en la
fábrica de cerámica de la Universidad.

卷之二

Namun, ada juga pendapat yang menyatakan bahawa bahagian kiri halaman akhbar adalah paling sesuai untuk diletakkan tajuk dan berita utama. Ini bersamaan dengan pendapat beberapa penyelidik yang menyatakan bahawa mata mengimbas sesuatu halaman mengikut nombor 6 terbalik. Melalui pendapat ini, pengkaji menyatakan bahawa pembaca akhbar akan melihat pertamanya di bahagian atas sebelah kiri halaman akhbar, kemudiannya arah mata atau melihat atau membaca arah ke kanan, kemudiannya dari kanan ke bawah, seterusnya dari kanan ke kiri dan akhirnya ke bahagian tengah halaman.

Terdapat juga penyelidik yang mengeluarkan pendapat hasil dapatan kajian mereka dengan menyangkal teori dan dakwaan yang menyatakan bahawa pembaca membaca halaman pertama akhbar seperti mana membaca buku iaitu membaca dari kiri ke kanan secara mendatar (horizontal). Menurut Gilmore dan Root (1976) dalam buku bertajuk *Modern Newspaper Editing*, mata akan menumpu ke bahagian atas kiri terlebih dahulu dan bergerak secara pepenjuru sehingga ke bahagian bawah kanan sebelum menyelak muka kedua halaman akhbar. Teori inilah yang disangkal oleh banyak pengkaji.

Dalam banyak akhbar, teknik atau perekaan secara horizontal (mendatar) dan vertikal (menegak) digunakan serentak dalam sesuatu halaman terutamanya halaman pertama. Ini mungkin untuk mewujudkan kepelbagai teknik hasil kajian yang menyatakan arah bacaan pembaca iaitu secara nombor 6 terbalik atau secara kiri ke kanan.

Nama Penulis (*Byline*)

Byline atau nama penulis adalah nama wartawan yang menulis berita berkenan. Tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara dua akhbar yang dikaji peletakan nama penulis. Kedua-dua akhbar meletakkan nama penulis di bawah tajuk berita.

Infographic

Infographic di dalam halaman akhbar boleh merupakan gambar rajah, carta, peta dan grafik yang lain. *Infographic* memberi maklumat secara bergambar atau berilustrasi.

Tajuk Kecil (*Deck*)

Deck adalah tajuk kecil di atas atau di bawah tajuk berita. Tajuk kecil yang ditulis di atas tajuk berita dikenali sebagai pasak tajuk sementara tajuk kecil yang ditulis di bawah tajuk berita disebut tajuk lapisan. Akhbar *Berita Harian* manggunakan tajuk lapisan manakala *Harakah* menggunakan pasak tajuk.

Header

Header merupakan tajuk bagi ruangan khusus seperti pada iklan acah, grafik, dan sebagainya. Dalam *Berita Harian*, 'Macam-Macam' adalah sejenis *header* manakala bagi akhbar *Harakah*, *header* yang dapat dikesan termasuklah 'Menarik Di Dalam', dan 'Waktu Solat'.

Indeks

Indeks merupakan panduan kepada pembaca tentang isi kandungan di dalam akhbar berkenaan. Lazimnya, indeks diletakkan di bahagian bawah paling kiri halaman pertama sesebuah akhbar. Kedua-dua akhbar yang dikaji tidak mempunyai indeks kerana memiliki iklan acah.

Keterangan Gambar (*Cutline*)

Cutline juga disebut *caption* atau dalam bahasa Melayunya keterangan gambar. Keterangan gambar bagi akhbar *Berita Harian* dan *Harakah* adalah di bawah gambar

Jump Line

Jump Line merupakan kenyataan halaman mana berita tersebut bersambung. Kedua-dua akhbar mempunyai *jump line* pada halaman pertama akhbar berkenaan bagi berita utama.

Mug Shot

Mug Shot merupakan gambar kecil foto seseorang yang dinyatakan di dalam berita berkenaan. *Berita Harian* dan *Berita Harian Online* lazimnya mempunyai *mug shot* di halaman pertama.

4.4 KESIMPULAN

Internet merubah cara hidup manusia mencari maklumat. 'Maklumat di hujung jari' menjadi slogan bagi mewarwarkan satu cara mudah mendapatkan maklumat melalui Internet. Melalui Internet juga segala maklumat dapat diperolehi tanpa sempadan ruang dan masa. Sejajar dengan perkembangan Internet dan teknologi multimedia, perusahaan akhbar yang menjadi medium komunikasi penyalur maklumat tidak mahu ketinggalan menggunakan kecanggihan Internet. Walaupun prinsip-prinsip reka bentuk adalah sama dengan penerbitan cetak, pereka bentuk halaman akhbar dalam talian perlu mempertimbangkan aspek lain media baru ini.